

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL 2/2004

KADAR BAYARAN DEPOSIT BAGI PERMOHONAN MILIK TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan pengenaan kadar bayaran deposit bagi permohonan milik tanah.

2. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali yang ke 9/2004 yang bersidang pada 19hb. Mei 2004 telah membuat keputusan supaya bayaran deposit 100 peratus daripada anggaran premium dikenakan bagi setiap permohonan milik tanah yang didaftarkan. Langkah ini diambil adalah bagi mengelakkan berlaku tunggakan bayaran premium disamping untuk menyelaraskan kadar bayaran deposit tersebut di semua jajahan di negeri ini mulai 1.6. 2004.

3. Berhubung dengan perkara tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 10/2004 yang bersidang pada 2.6.2004 juga telah membuat keputusan supaya Pejabat-Pejabat Tanah dan Jajahan memberi keutamaan khusus bagi mempercepatkan lagi proses pemberian milik tanah selaras dengan kadar baru bayaran deposit permohonan milik tanah tersebut.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan Bil.3/2003 dengan ini dibatalkan.

t.t

.....
(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBr. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN.4485/1Jld.2 (16)
BERTARIKH : 04hb. Julai 2004**